

2,498 graduan USIM terima ijazah

Bandar Baru Nilai: Seramai 2,498 graduan akan menerima ijazah sempena majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diadakan selama tiga hari, mulai Sabtu ini.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata 34 orang akan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana (142), ijazah sarjana muda (2,292) dan diploma (30).

Katanya, istiadat pembukaan

konvokesyen itu akan disempurnakan oleh Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud. Yang turut berangkat Pro-Canselor, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Dua graduan akan menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), dua lagi menerima Anugerah Canselor dan seorang lagi menerima Pingat Naib

Canselor, katanya pada sidang media khas majlis konvokesyen USIM, di sini, semalam.

Dua tokoh

Musa berkata, majlis konvokesyen kali ini turut menyaksikan dua tokoh menerima Ijazah Doktor Falsafah Kehormat dan seorang menerima gelaran Profesor Emeritus.

Presiden Universiti Islam Malaysia, Tan Sri Dr Mohd Yusof

Noor akan menerima Ijazah Doktor Falsafah Kehormat Pendidikan, manakala Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman dianugerahkan kepada mantan Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi.

"Mantan Dekan Pertama Fakulti Pergigian USIM, Profesor Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman pula akan dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus," katanya.



Prof Musa Ahmad